

# Kelembapan ekonomi EU beri kesan eksport ASEAN

Kelembapan yang ketara dalam pertumbuhan ekonomi Kesatuan Eropah (EU) menjadi risiko utama kepada eksport ASEAN dalam persekitaran kepentingan blok ekonomi itu sebagai pasaran eksport utama untuk kebanyakan negara-negara Asia Tenggara, menurut S&P Global Market Intelligence.

Ketua Ahli Ekonomi bagi Asia Pasifik, Rajiv Biswas, berkata 'risiko yang lebih besar' untuk rantau ASEAN adalah daripada kejutan makroekonomi terhadap ekonomi utama di EU akibat perang Russia-Ukraine, terutama melalui harga tenaga yang lebih tinggi dan potensi gangguan bekalan minyak dan gas Russia kepada EU.

Beliau berkata, eksport langsung Malaysia ke Russia adalah sangat kecil, menyumbang kira-kira 0.3 peratus daripada jumlah eksport barangan Malaysia.

"Risiko yang lebih ketara ialah daripada kejutan ekonomi, terutama melalui harga tenaga yang lebih tinggi dan potensi gangguan bekalan minyak dan gas Russia kepada EU."



# Kerajaan kaji insentif fiskal bantu telco beralih 5G

## Langkah tangani kesan komersial, penuhi keperluan rakyat akses rangkaian tingkat kesalinghubungan

diperlukan, proses itu boleh dilanjutkan sehingga awal Julai tetapi tidak lewat daripada tarikh berkenaan.

"Ia kini bergerak dalam landasan yang betul, ke arah matlamat utama kami untuk menyediakan perkhidmatan 5G kepada ramai pengguna dan perniagaan yang mungkin dalam masa yang paling singkat, membolehkan Malaysia mengejar apa yang dilakukan jiran serantau," katanya.

Dalam tempoh jangka sederhana hingga panjang beliau berkata, analisis telekomunikasi akan

telah berjaya diselesaikan pada awal Jun di mana semua pihak yang dijemput memberikan maklum balas yang membina mengenai dokumen itu.

"Kami kini berada pada peringkat kedua iaitu pengagihan 'Term Sheet' (terma pelaburan) untuk penyertaan ekuiti Telco. Terma pelaburan ini meringkas terma utama yang mana DNB akan ditadbir sebagai entiti dengan Kementerian Kewangan (MoF) dan syarikat telekomunikasi sebagai pemegang saham. DNB dan syarikat telekomunikasi

telah berjaya diselesaikan pada awal Jun di mana semua pihak yang dijemput memberikan maklum balas yang membina mengenai dokumen itu.

"Kami kini berada pada peringkat kedua iaitu pengagihan 'Term Sheet' (terma pelaburan) untuk penyertaan ekuiti Telco. Terma pelaburan ini meringkas terma utama yang mana DNB akan ditadbir sebagai entiti dengan Kementerian Kewangan (MoF) dan syarikat telekomunikasi sebagai pemegang saham. DNB dan syarikat telekomunikasi telah berjaya diselesaikan pada awal Jun di mana semua pihak yang dijemput memberikan maklum balas yang membina mengenai dokumen itu."

"Kerajaan yakin cadangan nilai DNB memenuhi kepentingan bagi tempoh jangka panjang syarikat telekomunikasi kerana ia t

**Rajaan** bersedia untuk mempertimbangkan insentif fiskal untuk membantu syarikat telekomunikasi (telco) beralih kepada 5G untuk mengurangkan sebarang kesan komersial jangka pendek dalam menyediakan perkhidmatan 5G kepada pelanggan mereka.

Menteri Kewangan, Tengku Datuk Seri Zafrul Abdul Aziz, berkata ketersediaan dan penggunaan 5G menyumbang kepada hasrat digital negara dan memastikan ketersambungan sebagai hak asasi rakyat Malaysia.

“Seperti yang saya nyatakan sebelum ini, 5G akan meningkatkan ekonomi sebanyak RM650 bilion dan mewujudkan 750,000 pekerjaan bernilai tinggi mulai sekarang dan tahun 2030. Oleh itu, kejayaan pelaksanaan 5G kami adalah soal kepentingan awam,” katanya dalam temu bual di Kuala Lumpur, baru-baru ini.

Tengku Zafrul berkata tarikh akhir bagi syarikat telekomunikasi Malaysia untuk memutuskan sama ada untuk mengambil alih kepentingan dalam Digital Nasional Bhd (DNB) kekal pada penghujung bulan ini kerana semua pihak berkepentingan mesti berkongsi berasa berapa pentingnya untuk Malaysia meningkatkan kesaling-hubungannya untuk perniagaan, pembuatan dan rakyat bagi kekal berdaya saing di rantau ini.

“DNB dan syarikat telekomunikasi diminta memenuhi tarikh akhir yang ditetapkan iaitu 30 Jun. Sebilangan besar proses harus diselesaikan pada tarikh berkenaan. Jika lanjutan masa

syarikat telekomunikasi akan meraih faedah 5G tanpa memerlukan bantuan tambahan daripada kerajaan.

“Isu yang lebih besar ialah akses rakyat Malaysia dan perniagaan kepada teknologi 5G. Jika syarikat telekomunikasi terutama yang lebih besar terus menanggungkan penyediaan perkhidmatan 5G kepada pelanggan mereka seperti disebut oleh Menteri Komunikasi dan Multimedia baru-baru ini, Kementerian Kewangan akan mempertimbangkan pilihan lain seperti mengeluarkan lesen baharu kepada pemain baharu untuk membolehkan penyediaan pantas perkhidmatan 5G di negara ini.

“Sememangnya kepentingan Malaysia dan rakyatnya mesti diutamakan daripada kepentingan komersial syarikat telekomunikasi,” katanya.

Menurut Tengku Zafrul, peringkat pertama proses pengambilan ekuiti yang membabitkan pengumpulan maklum balas daripada syarikat telekomunikasi mengenai dokumen perundingan sulit yang dikeluarkan oleh DNB

DNB dan syarikat telekomunikasi yang berminat kemudiannya akan berusaha untuk menandatangani terma pelaburan itu secepat mungkin,” katanya.

Mengenai pegangan ekuiti oleh syarikat telekomunikasi dalam DNB, Tengku Zafrul berkata pegangan ekuiti yang ditawarkan kepada syarikat telekomunikasi yang tidak diambil akan diagihkan semula kepada mereka yang ingin memegang ekuiti dalam DNB.

“Justeru, syarikat telekomunikasi mungkin boleh memperoleh kepentingan yang lebih besar daripada 7.78 peratus yang ditawarkan kepada mereka sebelum ini. Bagaimanapun, tiada pelabur boleh memiliki lebih daripada 20 peratus DNB atau 25 peratus sekiranya berlaku penggabungan antara pemegang kepentingan ekuiti DNB.

“MoF akan memegang 30 peratus DNB. Bagaimanapun, jika hanya beberapa syarikat telekomunikasi yang melabur dalam DNB, kementerian akan mengambil mana-mana baki saham berdasarkan pegangan saham telco maksimum 20 hingga 25 pe-

rikt telekomunikasi kerana ia tidak memerlukan pelaburan perbelanjaan modal (capex) yang tinggi sambil memastikan penggunaan yang lebih tinggi dan sekali gus meningkatkan purata hasil bagi setiap pengguna (ARPU) dan hasil keseluruhan dalam jangka sederhana dan panjang,” katanya.

Beliau juga menegaskan bahawa tawaran ekuiti dalam DNB dibuat untuk meningkatkan perkongsian awam-swasta dan membenarkan syarikat telekomunikasi tempatan mengambil bahagian dalam rangkaian 5G dan pelancaran infrastruktur bukan untuk membantu dalam pembiayaan pelancaran 5G.

“Semua spektrum 5G akan tersedia hanya melalui DNB. DNB boleh mendapatkan pembiayaan untuk membiayai pelancaran rangkaian kerana perkhidmatan 5G sudah pasti akan mendapat permintaan di negara ini. Saya sedar DNB telah berbincang mengenai pembiayaan dengan pelbagai bank,” katanya.

Walaupun menerima banyak permohonan dalam DNB daripada pelabur domestik dan asing, Tengku Zafrul berkata syarikat telekomunikasi Malaysia harus diutamakan berbanding kepentingan asing.

Biarpun minat pihak lain terhadap DNB kekal kukuh, saya tidak percaya pihak lain itu akan menggantikan syarikat telekomunikasi Malaysia dalam DNB melainkan situasi memerlukan pertimbangan semula,” katanya.

BERNAMA

“Sememangnya kepentingan Malaysia dan rakyatnya mesti diutamakan daripada kepentingan komersial syarikat telekomunikasi”

Tengku Zafrul Abdul Aziz,  
Menteri Kewangan

